

Sabotaj sidang Dewan dirancang — Abdullah

UM 21 DEC 1999

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya anggota Parlimen pembangkang yang diketuai Datuk Fadzil Noor sudah merancang untuk sabotaj persidangan pertama penggal pertama Parlimen ke-10 hari ini.

“Mereka ada *pre-council* (mesyuarat pramajlis semalam). Selain itu, sebab ada akhbar dan media asing, mereka (pembangkang) nak menunjukkan,” kata Timbalan Perdana Menteri ketika ditemui di lobi Parlimen.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas gangguan yang dicetuskan oleh kesemua 43 anggota pembangkang yang hadir hari ini mempertikaikan kesahihan persi-

dangan, sebelum mereka dan Yang Dipertua Dewan Rakyat mengangkat sumpah.

Malahan, mereka enggan mematuhi arahan Tun Mohamed Zahir Ismail dan bertindak memulaukan persidangan selama satu setengah jam, sebelum akur untuk mengangkat sumpah.

Enggan

Dua anggota pembangkang, **Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** dan **Mustaffa Ali (Pas-Dungun)** tidak hadir.

Abdullah yang turut menyaksikan kekecohan itu bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengakui terkejut deng-

an tindak balas ‘drastik’ kesemua anggota pembangkang itu.

“Speaker dah beri pandangan. Terima sahajalah buat apa membalas.

“Ini kali pertama sejak sekian lama menjadi ahli Parlimen... saya tak pernah melihatnya (kekecohan itu) secara terancang,” katanya.

Turut sependapat dengan Abdullah ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid yang yakin pembangkang mempunyai perancangan teliti untuk menggagalkan persidangan pertama Dewan Rakyat hari ini.

“Mereka buat secara terancang,” katanya.